

GARIS PANDUAN KESIHATAN DAN KESELAMATAN IWG



Menyokong perniagaan anda pada masa sekarang dan untuk masa depan yang lebih cerah

Di IWG, kami berusaha keras untuk meminimumkan gangguan agar anda dapat terus mengurus perniagaan anda dalam masa sukar ini. Kami telah menghasilkan dokumen ini untuk menjelaskan langkah-langkah yang kami ambil sebagai respons terhadap krisis semasa.



MEMASTIKAN ANDA DAPAT KEMBALI KE TEMPAT KERJA DENGAN CEPAT

Ketangkasan untuk bergerak pantas dengan penyelesaian ruang kerja yang fleksibel yang dirancang bersesuaian dengan keperluan anda.



MENYEDIAKAN PERSEKITARAN KERJA YANG SELAMAT

Sokongan untuk menikmati cara kerja yang selamat, lebih lestari dan gembira.



MEMBANTU ANDA MENYESUAIKAN DIRI DENGAN MASA DEPAN YANG BAHARU

Keupayaan untuk mengurangkan risiko dengan membolehkan bekerja secara jauh pada skala global.

Memastikan anda dapat kembali bekerja dengan cepat

Kami ada di sini untuk membantu anda kembali bekerja secara cepat dan berkesan kos yang mungkin. Cipta penyelesaian ruang kerja yang direka bersesuaian dengan keperluan anda untuk hari ini yang anda boleh ubah apabila keadaan menjadi lebih mudah diramalkan.



Ruang kerja yang responsif

Sekiranya pejabat anda mempunyai akses yang terhad atau anda perlu menampung tenaga kerja secara jauh, kami boleh menyediakan ruang yang anda perlukan pada bila-bila masa dan di mana sahaja anda memerlukannya.

- Atasi kelewatan pembinaan
- Akses segera, di mana sahaja anda memerlukannya
- Sedia untuk digunakan, lengkap dengan Wi-Fi gred perniagaan
- Tempoh jangka pendek atau lebih panjang
- Pejabat dan ruang mesyuarat dengan pelbagai saiz



Kefleksibelan unggul

Oleh kerana masa depan tidak menentu, kami boleh memberikan anda ruang yang anda perlukan pada hari ini, tanpa komitmen atau risiko, sehingga anda dapat menyesuaikan diri dengan perubahan keperluan anda.

- Sebarang tempoh yang mungkin dari bulan ke bulan sehingga beberapa tahun
- Tanpa perbelanjaan modal atau kos pendahuluan
- Dari pejabat persendirian hingga keseluruhan tingkat, untuk seorang atau seluruh pasukan anda
- Luaskan atau berpindah ke lokasi lain
- Kecilkan semasa pembaharuan kontrak
- Mula bekerja sekarang dan bayar kemudian



Pejabat di rumah yang profesional

Sediakan sokongan profesional untuk pasukan anda yang bekerja dari rumah, dengan pelbagai perkhidmatan maya yang tersedia setiap bulan.

- Alamat perniagaan untuk mengarahkan semula mel
- Nombor telefon tempatan dengan khidmat menjawab panggilan
- Penggunaan ruang kerja tempatan bila-bila diperlukan
- Disediakan dalam masa 24 jam

Menyediakan persekitaran kerja yang selamat


Kami telah mengambil langkah-langkah berikut berdasarkan garis panduan kesihatan dan keselamatan tempat kerja oleh WHO. Merentasi rangkaian 3,500 lokasi kami, kami boleh menyediakan persekitaran kerja selamat yang memenuhi keperluan pada hari ini, dan menyokong cara bekerja yang lebih lestari dan lebih gembira pada masa hadapan.

Penjarakan fizikal


Kami telah mengamalkan prinsip penjarakan fizikal dan menerapkannya di tempat kerja. Untuk memastikan jarak yang selamat di seluruh bangunan kami, kami telah menyediakan maklumat dan papan tanda jelas yang meliputi penggunaan ruang terbuka, pejabat peribadi dan bilik mesyuarat.

Kebersihan yang dipertingkatkan


Kami berusaha untuk mencapai tahap kebersihan tertinggi dengan membersihkan tempat kerap disentuh, permukaan dan ruang kerja untuk memenuhi peraturan keselamatan dan kesihatan global.



Pejabat peribadi telah dikonfigurasi semula dengan meja yang sedikit dan ruang bebas untuk membolehkan pergerakan selamat.



Ruang mesyuarat mempunyai tempat duduk bertingkat untuk lebih banyak ruang dan protokol untuk pergerakan mengikut arah jam di sekitar bilik.



Kami juga menggalakkan penjarakan fizikal di tempat terbuka.

Menyediakan ruang kerja kami

Untuk keselamatan kakitangan dan pelanggan kami, kami menggunakan pita lantai dan pelekat untuk mengingatkan pengunjung mengenai penjarakan fizikal dan garis panduan tempat duduk berjarak.



Penunjuk menunggu

Kami telah meletakkan penunjuk untuk memaklumkan penjarakan semasa menunggu di kawasan seperti kaunter penyambut tetamu, dapur atau ruang istirahat.



Penunjuk laluan

Kami telah meletakkan penunjuk laluan untuk membuat laluan pejalan kaki, memberi panduan kepada orang yang melalui bangunan kami tanpa menyentuh orang lain secara tidak sengaja.



Penunjuk jarak

Kami telah meletakkan penunjuk jarak di lif untuk menunjukkan di mana orang harus berdiri.



Tempat duduk berjarak

Kami telah melaksanakan tempat duduk berjarak untuk menyediakan penjarakan fizikal di pejabat, bilik mesyuarat dan kawasan perkongsian kami.



Sanitasi

Kami telah menyediakan bahan sanitasi seperti pensanitasi tangan berasaskan alkohol dan tisu sanitasi yang tersedia di seluruh pusat kami.



Pelitup muka

Sekiranya diwajibkan, pekerja dan pelanggan kami diminta untuk memakai pelitup muka.

Menyokong kerja yang lebih selamat

Kami telah membuat garis panduan kesihatan dan keselamatan untuk tempat kerja kami, yang jelas kelihatan di lokasi strategik di pusat kami.

IWOG International Workplace Group

SILA JAGA JARAK ANDA

Bekerja dengan selamat dan patuhi jarak fizikal



Demi keselamatan anda sendiri dan bagi membantu memperlambatkan penularan COVID-19, kami meminta supaya anda mengekalkan jarak 2 meter / 6.5 kaki antara diri anda dan orang lain.

Terima kasih atas sokongan anda.


IWOG International Workplace Group



IWOG International Workplace Group

Bantu hentikan penularan COVID-19


Keutamaan kami ialah kesihatan dan kesejahteraan pelanggan, pekerja dan tetamu.



Pastikan anda mencuci atau mensanitasi tangan anda sebelum menggunakan mana-mana mesin fotokopi, pencetak, mesin lopi atau peti sejuk.

Terima kasih atas sokongan anda

IWOG International Workplace Group



IWOG International Workplace Group

COVID-19 (Virus Korona)

Kesihatan dan kesejahteraan pekerja, pelanggan dan tetamu kami adalah kepentingan utama kami.

Untuk membantu meminimumkan risiko dan mempertimbangkan orang lain, jika anda baru sahaja melawat kawasan yang berisiko tinggi atau mengesyaki bahawa anda telah terdedah kepada COVID-19 dalam cara lain, kami meminta anda untuk tidak memasuki persetiaan pusat sehingga anda bebas daripada gejala selama 14 hari.


Untuk maklumat lanjut tentang kawasan berisiko tinggi atau maklumat umum tentang COVID-19, anda boleh lawati laman web Pertubuhan Kesihatan Sedunia.

www.who.int

Jika anda mengalami demam atau gejala seperti selesema, sila dapatkan nasihat kesihatan dengan segera, pulang ke rumah dan hanya kembali bekerja jika persetiaan pusat tersebut diwajibkan oleh profesional perubatan.

Terima kasih atas sokongan anda.

IWOG International Workplace Group



IWOG International Workplace Group

Mesyuarat yang sihat dan selamat

Keutamaan kami ialah kesihatan dan kesejahteraan pelanggan, pekerja dan tetamu. Sila ikuti garis panduan ini.

Amalkan jarak fizikal dengan duduk atau berdiri dengan jarak sekurang-kurangnya 2 meter

Bejalan masuk/ke luar dari bilik mengikut arah panah untuk mengatalkan sentuhan

Sila gunakan napkin semasa menggunakan kawasan kesihatan untuk mengatalkan sentuhan langsung

Jika mesyuarat anda melibatkan peribodohan kata ring, sila kekalkan jarak fizikal apabila menghidangkan makanan



Terima kasih atas sokongan anda

IWOG International Workplace Group



Membantu anda menyesuaikan diri dengan masa depan yang baharu

Tenaga kerja yang diagihkan akan menjadi normal baharu apabila perniagaan mengurangkan risiko dan mendapat keuntungan daripada bekerja jarak jauh. Jadikan fleksibel dan agihkan tenaga kerja anda menggunakan portfolio penyelesaian ruang kerja kami.

Jarakkan pasukan anda

Anda mungkin memerlukan lebih banyak ruang untuk menampung orang anda sewaktu penjarakan fizikal berterusan.

- Gunakan ruang tempoh jangka pendek di lokasi yang berdekatan, atau cipta hab wilayah untuk fungsi yang berbeza
- Gunakan lebih banyak ruang pejabat di pusat yang sama atau di lokasi lain
- Pilih daripada pelbagai pilihan susun atur pejabat

Membolehkan bekerja secara jauh dengan profesional

Sediakan akses ke rangkaian ruang kerja profesional kami untuk membolehkan bekerja secara jauh pada skala global.

- Membolehkan orang bekerja lebih dekat dengan rumah dan kekal produktif
- Rangkaian lokasi di pusat bandar dan pinggir bandar
- Rancangan keahlian untuk membenarkan akses bayar mengikut penggunaan
- Penyelesaian tempoh jangka pendek atau lebih panjang

Membolehkan bekerja di rumah secara profesional

Cipta program yang teguh dengan pelbagai perkhidmatan profesional untuk menyokong pekerja rumah anda.

- Alamat perniagaan untuk mengarahkan semula mel
- Nombor telefon tempatan dengan khidmat menjawab panggilan
- Penggunaan ruang kerja tempatan bila-bila diperlukan





Sokongan daripada pasukan hebat kami yang terdiri daripada 15,000 orang

Pasukan kontraktor pembersihan global kami yang berdedikasi, pengurus komuniti, pengurus penyelenggaraan, penyelarasa meja bantuan akaun, penyambut tetamu profesional, jurutera IT dan banyak lagi ada di sini untuk memastikan anda mempunyai hari yang hebat di tempat kerja.




International Workplace Group

Hubungi dan lihat cara kami dapat membantu



Penasihat berpengalaman kami tersedia di sini 24/7 untuk membantu anda kembali bekerja dengan cepat, secara berkesan kos dan produktif.



AFRIKA	+27 21 300 4350
APAC	+91 22 6786 9165
EROPAH	+492 113 8789809
LATAM	+52 55 9171 1111
NAM	+1 888-673-7850
UK	0800 756 2911

iwgplc.com